

Kursus prauniversiti bagi lulusan SPM aktif sukan

Laluan khas atlit negara melanjutkan pelajaran ke UPM, UTM

Oleh Syuhada Choo Abdullah

KEMENTERIAN Pelajaran menerusi Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan (JPJS) menawarkan kemasukan program prauniversiti kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di dua sekolah sukan bagi sesiambilan Julai depan.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (JPJS), Abd Ghafar Mahmud, berkata masing-masing 60 tempat ditawarkan untuk kemasukan di Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP), kali ini.

Katanya, program prauniversiti dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) dan dua institusi pengajian tinggi awam (IPTA), iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau berkata, inisiatif itu adalah laluan khas kepada lulusan SPM yang aktif sebagai atlit negara, melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah di dua universiti berkenaan tanpa perlu mengemukakan permohonan

nan kemasukan menerusi Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi.

"Permohonan berkenaan dibuka sejak 1 April lalu hingga 30 April ini, secara online menerusi portal Kementerian Pelajaran beralamat www.moe.gov.my.

"Sistem permohonan online dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun ini bagi memudahkan calon mengakses kerana sebagai atlit negara, mereka sering menjalani latihan atau menyertai kejohanan di luar negara untuk tempoh tertentu.

"Sebagai contoh, 10 atlit yang sedang mengikuti latihan dalam acara terjun, renang dan gimnastik di China sudah pun menghantar permohonan mereka bagi sesi kemasukan ini.

"Secara keseluruhan, sambutan adalah memberangsangkan di mana setakat ini, 185 permohonan sudah diterima. Tahun lalu, sejumlah 320 permohonan diterima, termasuk 60 dari Sabah, juga untuk mengisi 120 tempat ditawarkan.

"Di samping syarat khas mengikut aliran sains dan sastera ikhtisas, sya-

rat am kemasukan ialah calon mewakili negara atau berpotensi mewakili negara, sudah menduduki peperiksaan SPM dan lulus mata pelajaran Bahasa Malayu.

"Selain itu, berumur tidak lebih 20 tahun pada tarikh pendaftaran tahun kemasukan, aktif dalam bidang sukan diceburi secara berterusan dan diiktiraf MSN serta persatuan sukan kebangsaan, di samping lulus temu duga jawatankuasa pemilihan jika diperlukan," katanya kepada *Berita*

Harian di Putrajaya.

Sambil menjelaskan program itu membabitkan tempoh pengajian selama empat semester, Abd Ghafar berkata, pelaksanaan di SSBJ adalah dengan kerjasama UPM, manakala SSBP pula UTM.

Sepanjang tempoh mengikuti program prauniversiti berkenaan, katanya, Kementerian Pelajaran turut memperuntukkan wang saku RM1,000 satu semester kepada setiap pelajar terbabit.

Beliau berkata, mereka yang berjaya tamat pengajian dan memenuhi ketetapan syarat boleh melanjutkan pelajaran ke dua IPTA terbabit dalam sebarang bidang berdasarkan minat dan kelayakan, tidak terbatas kepada pengkhususan sukan semata-mata.

"Mesyuarat Pemilihan Pelajar Prauniversiti akan diadakan pada 22 Mei sebelum tawaran kemasukan program sesi 2008/2009 dikeluarkan pada 1 Jun depan.

"Calon berjaya dijadualkan mendaftar, 6 Julai depan, manakala kemasukan pelajarambilan kedua pada 15 Julai, diikuti pendaftaran 1 Ogos depan," katanya.

FAKTA NOMBOR

Program Prauniversiti Sekolah Sukan Malaysia sesi 2008/2009

120

Tempat ditawarkan

2

Sekolah Sukan